

PROGRAM I-TALK: CREATIVE WEBINAR@HOME DI BAWAH INISIATIF PAKEJ PERLINDUNGAN RAKYAT DAN PEMULIHAN EKONOMI (PEMULIH)

SYARAT-SYARAT AM PERMOHONAN

Syarat-syarat am permohonan individu atau syarikat adalah seperti berikut:-

KATEGORI INDIVIDU:

- i) Warganegara Malaysia;
- ii) Berumur 25 tahun ke atas;
- iii) Berpengalaman dalam industri kandungan kreatif sekurang-kurangnya 3 tahun;
- iv) Pemohon ATAU panel mempunyai akaun media sosial (facebook, youtube atau instagram) yang aktif dengan kekerapan aktiviti (posting) sekurang-kurangnya 1 aktiviti (post) setiap bulan dan sekurang-kurangnya 500 *followers, friends, subscribers* atau *likes*;
- v) Perlu menggunakan akaun media sosial yang asli dan bukan palsu;
- vi) Pemohon yang pernah mendapat dana di bawah Program Creativity Never Stops (CNS) 1, 2, 3, dan 4 serta Program Modal Insan tidak layak untuk memohon namun boleh turut serta sebagai panel;
- vii) Pemohon yang masih mempunyai projek Dana Kandungan Digital (DKD) yang belum selesai tidak layak memohon;

KATEGORI SYARIKAT:

- i) Syarikat berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- ii) Mengemukakan Salinan yang diakui sah **Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat dibawah Kementerian Kewangan (MOF) dalam KOD BIDANG: 221110** (Khidmat Latihan, tenaga Pengajar & Moderator);
- iii) Panel mempunyai akaun media sosial (facebook, youtube atau instagram) yang aktif dengan kekerapan aktiviti (posting) sekurang-kurangnya 1 aktiviti (post) setiap bulan dan sekurang-kurangnya 500 *followers, friends, subscribers* atau *likes*;
- iv) Pemohon yang pernah mendapat dana di bawah Program Creativity Never Stops (CNS) 1, 2, 3, dan 4 serta Program Modal Insan tidak layak untuk memohon;
- v) Pemohon yang masih mempunyai projek Dana Kandungan Digital (DKD) yang belum selesai tidak layak memohon;